



**PEJABAT KETAU PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PENGGUNAAN SISTEM PENGESANAN PELAWAT MAHKAMAH  
MULAI 1 JUN 2020**

Sebagai salah satu usaha untuk mengesan kontak dan mencegah penularan wabak COVID-19, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) akan memperkenalkan Sistem Pengesanan Pelawat Mahkamah mulai 1 Jun 2020 bagi merekodkan kemasukan pelawat ke premis Mahkamah di seluruh negara. Sistem Pengesanan Pelawat Mahkamah ini merupakan satu alternatif kepada sistem pendaftaran sedia ada yang menggunakan borang pelawat.

Sistem Pengesanan Pelawat Mahkamah ini berbentuk kod QR pada poster atau *bunting* yang akan diletakkan di pintu-pintu masuk premis Mahkamah. Pelawat yang hadir dikehendaki untuk mengimbas kod QR tersebut menggunakan peranti elektronik yang mempunyai fungsi imbasan sebelum memasuki premis Mahkamah.

Melalui Sistem Pengesanan Pelawat Mahkamah, kaedah pendaftaran masuk boleh dilakukan dengan lebih cepat, sekaligus menjimatkan masa dan meningkatkan kecekapan pendaftaran pelawat di premis-premis Mahkamah seluruh negara.

Terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh: 29 Mei 2020**